**PHOTOGRAPHY CONTEST**

Subang Jaya City Council is holding a 'Khazanah Tersembunyi' photography contest. The contest ends on July 31. Participants must capture hidden gems in Subang Jaya with historical, cultural or natural value. The total prize pool is RM2,250. For details, call 03-5621 0060 or visit www.mbsj.gov.my

THE STAR
Tarikh: 05 JUN 2025

**PJ MATTERS**

> Petaling Jaya City Council (MBPJ) will host the Petaling Jaya Learning City Festival from June 19 to 22, 9am-6pm at Dewan Banquet and Dewan Sivik's parking lot in conjunction with its 19th anniversary. Activities include a career carnival, book expo, digital exhibition and the Rasa Fusion Food Festival. For details, call 03-7960 1220.

> The city council is also offering free use of its swimming pool, sports courts and facilities along with free parking under MBPJ's jurisdiction (June 20), free library membership at community libraries (June 20-22), and free tree saplings with Abate larvicide at Laman MBPJ, Jalan Yong Shook Lin (June 21).

THE STAR

Tarikh: 05 JUN 2025

**SEENIORS PARK FOR FREE** – Shah Alam City Council (MBSA) is offering free parking for residents aged 60 and above. Each eligible applicant may register one vehicle per household. Applications can be made at the Finance Department counter, Wisma MBSA. For details, call 03-5513 3919 (ext 1540/1521).

THE STAR

Tarikh: 05 JUN 2025

**COMMUNITY GARDEN** – Selayang Municipal Council is opening applications for its community garden programme until tomorrow. Participants will be involved in the edible garden competition that features four main categories. For details, call 03-6126 6014.

THE STAR
05 JUN 2025
Tarikh:............................

## SPECIAL MARKET

Sepang Municipal Council is having a special market for Hari Raya Haji celebration-Pasar Mantai Aidiladha today and tomorrow from 6am until midnight at Pasar Pekan Salak carpark in Sepang.

THE STAR

Tarikh: 05 JUN 2025

# Number of vape poisoning among youth up

STAR 5/6

**GEORGE TOWN:** A total of 76 poisoning cases linked to exposure to vapes suspected of containing prohibited substances were referred to the National Poison Centre (PRN) at Universiti Sains Malaysia (USM) through the Poison Information Service from 2020 to last year.

PRN senior pharmacist Mohd Fadhli Razali said the statistics show a sharp increase, with a significant spike starting in 2022, when 65% or 17 cases were recorded out of the total vape exposure cases referred that year.

"These cases have risen annually, with 79% (27 cases) in 2023 and 68% (26 cases) in 2024.

"The majority, 81%, of vapes involved claimed to be magic mushroom vapes.

"Most cases involved teenagers aged 15 to 19 years (41%) and early adults aged 20 years (53%), indicating a growing trend among the younger generation," he said in a statement yesterday, reported Bernama.

He said these findings highlight the urgent need for the government to take immediate action to prevent more young people from falling victim to addiction, particularly to new types of drugs like synthetic cannabinoids (lab-made substances that are chemically similar to chemicals found in the cannabis plant) detected in vape liquids.

Mohd Fadhli said most affected individuals experience symptoms such as seizures, fainting and vomiting, as well as issues like hallucinations, delusions, and behavioural changes, including aggression.

More alarmingly, many cases show severe poisoning symptoms even after just one or two puffs, posing risks to themselves and those around them, Mohd Fadhli added.

He said PRN's analysis of several vape liquid samples, claimed to contain magic mushrooms, revealed they actually contained synthetic drugs capable of causing severe, potentially fatal poisoning.

"This shows how easily vapes can be manipulated. Strict controls are necessary to prevent the abuse of dangerous drugs in society. Teenagers are the primary targets for these products due to easy access through online platforms, which are difficult to regulate," he said.

He stressed that the rising number of vape-related poisoning cases underscores the need for immediate enforcement of the Control of Smoking Products for Public Health Act 2024 (Act 852) and support at the state level.

THE STAR
Tarikh: 05 JUN 2025

# 'Save the lives of children'

## CAP urges Selangor Ruler to ban vape products in state

By WANI MUTHIAH
wani@thestar.com.my

STAR
5/6



**Business as usual:** A vape shop operator checking on vape products displayed on the rack. — AZMAN GHANI/The Star

KLANG: The Consumers Association of Penang (CAP) has appealed to Selangor Ruler Sultan Sharafuddin Idris Shah to ban the sale of vape products in the state.

In a statement issued yesterday, its education officer N. V. Subbarow pleaded with the Ruler to "save the lives of children".

"CAP is urging His Highness to help prevent children from becoming involved in the dangers of vaping," he said.

He added that vapes contain poison and drugs.

Subbarow issued the appeal after Selangor allegedly failed to take a firm stand on the banning of the sale of vapes and electronic cigarettes.

Selangor Mentri Besar Datuk Seri Amirudin Shari said on Tuesday that discussions were still ongoing with stakeholders, including vape business owners, before any decision is made.

He added that the state government is also working on guidelines to implement the proposed ban without leaving any loopholes.

This follows earlier reports suggesting that Selangor may follow in the footsteps of Johor and Terengganu, which have banned the sale of vapes and electronic cigarettes.

According to CAP, the Selangor government's current position could endanger youths and schoolchildren.

"Our talks in Selangor schools have shown that more students are becoming addicted to vaping, which contains nicotine and harmful drugs.

"Many teachers are complaining that students' behaviours have changed due to their vaping habits," he added.

He said it was alarming to learn that many girls were also being drawn into the vaping trend.

Subbarow claimed that the Selangor government appeared more concerned about the impact a ban could have on vape businesses and their workers.

He said the youth's health should come before the vape industry's interests.

He said vape products must be banned immediately to stop them from continuing to destroy young lives.

"We do not want our children to become drug addicts and face a bleak future," he said.

"His Royal Highness the Sultan of Selangor must take immediate action to safeguard the youth, ensuring they have the opportunity for a healthy and active future," he added.

In April, Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad had said that state governments have the authority to ban the sale of vape or e-cigarattes, through local councils.

He explained that states are empowered by local regulations to control the sale of such devices within their jurisdiction, adding that there were instances where states had withheld licences from vape traders

At the Federal level, the sale of vape products is governed under the Control of Smoking Products for Public Health Act 2024 (Act 852), which came into force in phases beginning Oct 1 last year.

THE STAR
05 JUN 2025
Tarikh:

# MACC seizes RM143mil in sukuk misuse case

STAR 5/6

**KUALA LUMPUR:** The anti-graft agency has seized assets totalling RM143mil linked to the misuse of sukuk funds for the construction of a highway in Klang Valley believed to be owned by a Tan Sri highway concessionaire during an operation last week.

The Malaysian Anti-Corruption Commission's chief commissioner Tan Sri Azam Baki said that preliminary investigations have revealed misconduct occurring between 2016 and 2020.

During this period, approximately RM1.35bil in sukuk funds was approved, which involved false claims amounting to roughly RM360mil and RM416mil, along with RM50mil in other bank facility loans.

"The RM1.67bil highway project failed to be completed according to schedule. Investigations are also focused on bribes worth RM12mil allegedly paid to certain parties as inducement in helping the cash flow out and back to the suspect," he said in a statement.

Azam detailed the seizures, which include 14 individual accounts amounting to RM4.5mil; eight company accounts totalling RM33mil; a luxury condominium and land valued at RM24.5mil; nine cars worth RM7.65mil; and 13 cars that have yet to be surrendered to the investigation team.

Other seized items comprise luxury watches valued at RM25mil, handbags worth RM3mil, jewellery and diamonds appraised at RM6mil, four horses valued at RM400,000, alcoholic beverages estimated at RM3mil, foreign assets exceeding RM15mil, and about RM20mil linked to gambling activities.

To embezzle the funds, the parties involved were believed to have used professionals, such as auditors, financial experts, engineers and shell companies.

"The MACC has yet to take the Tan Sri's statement, as he has been warded in a private hospital," Azam said, Bernama reported.

Azam said asset declaration notices have been handed to the Tan Sri and other related parties.

THE STAR
Tarikh: 05 JUN 2025

# 24% US tariff looms for Malaysia

## With one month to go, exporters concerned over potentially negative effects

By RAHIMY RAHIM and
SHERIDAN MAHAVERA
newsdesk@thestar.com.my

STAR
5/6

TARIFF IMPACT

**PETALING JAYA:** With just one month remaining before the United States imposes a 24% tariff on all Malaysian goods exported there, exporters are expressing concerns that more than half of them will be negatively affected if Malaysia fails to secure a deal.

The Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) said about 52% of local exporters expect demand to decline if the United States proceeds with its tariff hike, with nearly half anticipating profit margins to be slashed by over 30%.

Its president Tan Sri Soh Thian Lai warned that such pressures could force some companies, especially those in cost-sensitive sectors like electrical machinery services (EMS), which supports US-linked manufacturing operations in Malaysia, to scale back operations.

"While the full financial impact and potential job losses remain difficult to quantify, FMM cautions that the combined effects of order cuts, shrinking margins and prolonged cost pressures could have serious repercussions for the country's export-reliant industries," he said when contacted recently.

In April, the United States offered a 90-day pause to negotiate new country-specific rates based on trade imbalances.

The window is expected to close early next month.

Soh added that even if Washington settles for a lower tariff range of 10 to 15%, Malaysia would still be at a competitive disadvantage compared to countries with preferential US market access, raising concerns over a possible long-term shift in sourcing decisions by American buyers.

"Since April 2025, all Malaysian exports entering the United States have already been subjected to an across-the-board 10% tariff, which has added considerable pressure on companies, especially those whose products previously enjoyed low or zero tariffs.

"A further escalation of tariffs would significantly deepen this impact and pose a serious threat to Malaysia's export performance," added Soh.

> "We need to diversify and spread the risk by investing in more economic opportunities across other sectors, especially those not reliant on exports."
>
> Ahmad Yazid Othman

At the same time, FMM lauded the Investment, Trade and Industry Ministry (Miti) for its proactive efforts through the National Geoeconomic Command Centre Task Force and its recent trade mission to Washington, DC, which included negotiations with the US Trade Representative.

FMM said that these engagements are crucial for seeking exemptions from existing levies on products such as steel and aluminium.

Socio-Economic Research Centre executive director Lee Heng Guie said that based on its engagement with local players, many businesses are still closely monitoring how the situation unfolds.

"What we've observed since April is that some local exporters, particularly in the electrical and electronics (E&E) sector, have been front-loading their shipments to the United States to beat the higher tariff deadline.

"This spike in export numbers is likely to continue until May or perhaps early June, based on feedback from businesses and buyers we've spoken to," he said.

However, he added that some US buyers are taking a more cautious approach.

"They are delaying shipments and deliveries, adopting a 'wait-and-see' attitude regarding the final tariff decision.

"The concern is that if the tariff jumps to 24%, they may not be willing to absorb that additional cost.

"On the other hand, if the outcome is less than or remains at 10%, they would prefer to wait and only proceed once the situation is clear," said Lee.

He said there were also ongoing negotiations between US buyers and Malaysian sellers on how to manage the tariff burden.

Lee stressed that the adjustment process will likely continue well beyond the 90-day pause, as businesses prepare for various outcomes.

Malay Economic Action Council senior fellow Ahmad Yazid Othman said, in principle, the council's position is that Malaysia must accept that tariffs would be imposed.

"We hope that the government will do more to spur domestic consumption and be prepared that tariffs will increase.

"As an exporting country, not every sector will be equally affected, which is why we shouldn't put all our eggs in one basket.

"We need to diversify and spread the risk by investing in more economic opportunities across other sectors, especially those not reliant on exports. I believe there's a silver lining in this situation as well," he said.

THE STAR
Tarikh: 0 5 JUN 2025

# Govt appeal in armed forces pension adjustment case allowed

STAR 5/6

PUTRAJAYA: The Court of Appeal allowed the appeal by the government and three others to overturn a High Court ruling that had favoured 50 retired Armed Forces personnel in a pension adjustment dispute.

In a unanimous decision yesterday, the three-member panel chaired by Justice Datuk Hashim Hamzah ruled that the military personnel failed to prove that the government, the prime minister, the Defence minister and the Malaysian Armed Forces Council had breached the provisions under the Federal Constitution.

"We find there is merit in the defendants' appeal that warranted appellate intervention," said Hashim, who sat with Justices Datuk Wong Kian Kheong and Datuk Ismail Brahim.

The judge said the defendants could not be said to be breaching Article 147 of the Federal Constitution as they had not placed the plaintiffs in a less favourable position.

The court allowed the appeal with no orders as to legal costs.

Wong, who wrote a supporting judgment, said two documents namely *Garis Panduan Pelaksanaan Pindaan Syarat-Syarat Perkhidmatan ATM* dated Jan 17, 2013, and *Surat Pelaksanaan Kesetaraan Pangkat dan Penambahbaikan Jadual Gaji Minimum Maksimum bagi Perkhidmatan ATM di bawah SSM* dated March 14, 2013, were not salary adjustments but were amendments to the terms of service for serving members of the MAF.

He said the objective is to improve the salary scheme for serving members and not to discriminate against retirees who retired before Jan 1, 2013, Bernama reported.

Wong also said there was no unequal treatment between pensioners who retired before Jan 1 and those who retired after Jan 1, 2013, as pension adjustments were not made for retirees after Jan 1 that year.

On Feb 5 last year, the High Court ruled that all military personnel who retired before Jan 1, 2013, are entitled to have their pensions adjusted to the rates and methods applied to the retirees who retired after Jan 1, 2013.

The 50 military personnel of various ranks filed an originating summons in the High Court on Nov 17, 2022, seeking a declaration that the government had violated the provisions in the Federal Constitution read together with Section 187 of the MAF Act 1972 for their respective failures to implement new pension adjustments for the MAF retirees who retired before Jan 1, 2013.

They claimed that the government's failures to implement the pension adjustments had caused a significant pension gap between the MAF retirees who retired before Jan 1 and those who retired after Jan 1, 2013.

In yesterday's proceedings, Federal Counsel M. Kogilambigai appeared for the government while lawyer Mohamed Haniff Khatri Abdulla represented the retired personnel.

Mohamed Haniff said he would study the judgment before deciding to appeal to the Federal Court.

THE STAR
Tarikh: 05 JUN 2025

# Ensuring public is served

## Policy to set up ombudsman office being drafted

STAR 5/6

By SHERIDAN MAHAVERA
newsdesk@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** The Public Complaints Bureau (BPA) handles all complaints involving government agencies, while the Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC) monitors and investigates complaints of misconduct against enforcement officers or agencies.

However, a new ombudsman's office overseeing government bodies could soon assume the roles of both bodies.

A key reform of the unity government, the ombudsman's office will independently investigate complaints of maladministration and poor service delivery in the public sector and recommend solutions to address these issues.

The Prime Minister's Department legal affairs division (BHEUU), the agency drafting the enabling law, said it is considering the proposal for the ombudsman to take over the functions of these two bodies.

"Among the proposals made to BHEUU in multiple holistic stakeholder meetings is that the Malaysian Ombudsman, once established, should take over the functions of the BPA and the EAIC," the division told *The Star*.

It said the policy to set up the ombudsman office is in the drafting stage, after considering feedback and proposals from stakeholders.

The Centre to Combat Corruption and Cronyism (C4), a non-governmental organisation involved in the steering committee to develop the policy, said part of its engagement with BHEUU included reviewing best practices from similar ombudsman offices abroad.

BHEUU added that it expects to table the Bill to establish the Malaysian Ombudsman's office in Parliament this year, although it did not specify whether this would be in the July or October session.

In an emailed response, the division outlined five key roles and functions of the office.

First, it will protect citizens by investigating complaints of maladministration in government.

Second, it will promote accountability to prevent abuse of power and corruption within the civil service.

Third, the ombudsman will encourage good governance to build public trust in the civil service.

Fourth, it will resolve disputes between the public and government departments, helping citizens avoid court proceedings.

Lastly, investigations and studies conducted on institutions and government organisations will enable the ombudsman to propose improvements for public service delivery.

"The government is reviewing all recommendations and proposals from stakeholder sessions to ensure that the Malaysian Ombudsman is holistic and is able to function as a body that is effective, efficient and independent, in line with the Madani government's aspirations to reform laws and institutions," BHEUU added.

THE STAR
05 JUN 2025
Tarikh:..........................

# Negara berisiko rugi RM600 juta setahun



LAPORAN MUKA DEPAN

**Beginilah keadaan hakisan pantai di Batu Rakit, Kuala Nerus, Januari lalu. Kerajaan negeri Terengganu baru-baru ini dilapor terpaksa membelanjakan RM5 juta bagi projek pembaikan runtuhan jalan dan tebing sepanjang 650 meter.**

## Sekitar 900 kilometer garis pantai di Malaysia kini berdepan hakisan kategori kritikal

SHAH ALAM St 5/6

Negara berisiko menanggung kerugian mencecah lebih RM600 juta setahun akibat hakisan pantai yang merangkumi kehilangan nilai hartanah persendirian, kos pemindahan dan penempatan semula penduduk serta kerosakan infrastruktur awam seperti jalan, jambatan, sekolah dan jeti.



MUHAMMAD NAJIB

Profesor Madya Ekonomi dan Kewangan Harta Tanah, Universiti Teknologi Malaysia, Dr Muhammad Najib Razali berkata, sebagai contoh, pembinaan benteng pemecah ombak dan tembok penahan hakisan menelan belanja antara RM5 juta hingga RM15 juta bagi setiap kilometer (km), bergantung kepada keadaan geografi dan teknologi digunakan.

"Sekiranya tiada pelan mitigasi yang berkesan, kawasan tidak terjejas akan menjadi mangsa dalam beberapa tahun berdasarkan kadar hakisan semasa yang dianggarkan purata 0.5 meter hingga 1.5 meter setahun di beberapa lokasi.

*Inisiatif ESG Sinar Harian* Lestari @Sinar

"Melabur dalam langkah mitigasi dan dasar pemuliharaan bukan lagi satu pilihan, tetapi keperluan mendesak untuk melindungi aset negara, melestarikan komuniti tempatan dan mengekalkan nilai tanah serta hasil ekonomi pesisir pantai dan sungai.

"Pendekatan lebih sistematik terhadap mitigasi hakisan di negara ini boleh membuka peluang besar dalam sektor pekerjaan dan pembangunan industri tempatan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Ujar Muhammad Najib, projek seperti pembinaan tembok penahan, pemecah ombak dan struktur pertahanan pantai memerlukan penglibatan jurutera awam, kontraktor, pakar geoteknik serta tenaga kerja tempatan.

Secara tidak langsung menurutnya, ia merangsang sektor pembinaan dan perkhidmatan teknikal selain pemuliharaan kawasan pesisir melalui penanaman semula hutan bakau, pengurusan zon penampan, dan pemantauan komuniti turut berpotensi menjana pekerjaan baharu.

"Selain manfaat kepada sektor pekerjaan, dasar pemuliharaan yang berjaya juga meningkatkan nilai hartanah dan menarik minat pelabur. Kawasan pesisir yang dilindungi daripada risiko hakisan secara berkesan lebih berpotensi untuk dibangunkan secara lestari dan bernilai tinggi di pasaran.

"Pelabur dan pemilik hartanah sudah tentu akan lebih yakin untuk melabur di kawasan yang mempunyai perlindungan alam sekitar," ujarnya.

Jelas beliau, sekitar 900 kilometer garis pantai di seluruh negara dikenal pasti mengalami hakisan aktif termasuk kategori kritikal. Menurutnya, kesan hakisan tersebut lebih ketara di kawasan yang berpenduduk padat dan mempunyai nilai hartanah tinggi seperti di Selangor dan Pulau Pinang.

Kata Muhammad Najib, pemilik tanah persendirian bukan sahaja kehilangan fizikal kawasan terjejas tetapi berdepan penurunan nilai hartanah.

"Sektor pelancongan turut menerima kesan apabila pantai dan kawasan tepi sungai yang menjadi tarikan pelancong mengalami kemerosotan kualiti landskap dan kemudahan awam.

"Sebagai contoh, kawasan pantai di Terengganu yang terhakis teruk menunjukkan penurunan kadar pelancongan domestik hampir 20 peratus dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

"Sektor perikanan juga menerima kesan apabila hakisan menjejaskan ekosistem muara sungai dan hutan paya bakau yang menjadi habitat pembiakan ikan," ujarnya.

### ANGGARAN KERUGIAN AKIBAT HAKISAN PANTAI

**1) Nilai tanah persendirian yang terhakis di sepanjang garis pantai Malaysia**

- Katakanlah purata nilai tanah hak milik persendirian setiap satu kilometer (km) ialah RM5 juta
- Jika 60km saja terlibat hakisan kritikal, maka kerugian tahunan:
- 60km x RM5 juta = RM300 juta (bergantung kepada kadar hakisan tahunan dan nilai lokasi)

**2) Kerugian infrastruktur fizikal seperti jalan raya, jeti, tembok penahan ombak dan bangunan awam.**

- Kos bina semula boleh cecah sekitar RM10 juta per km.
- Jika 20km infrastruktur rosak dan perlu dibina semula:
- 20km x RM10 juta = RM200 juta

**3) Kerosakan kepada ekonomi tempatan akibat kehilangan hasil pelancongan, perikanan dan pertanian.**

- Jika 5 kawasan pelancongan utama terjejas dengan setiap satu hilang RM5 juta hasil tahunan
- 5 x RM5 juta = RM25 juta

**4) Kos pemulihan dan operasi oleh kerajaan, termasuk projek mitigasi, pemindahan penduduk, kajian teknikal dan pemantauan.**

- Kos projek mitigasi oleh JPS pada tahun terdahulu melebihi RM100 juta setahun, contohnya:
- Projek Rancangan Tebatan Banjir Kuala Kedah
- Projek Pemuliharaan Pantai Tanjung Bungah

**Jika digabungkan seluruh negara:**

- RM100-150 juta setahun hanya untuk mitigasi.

**5) Kos tidak langsung dan nilai ekosistem**

- Kehilangan hutan bakau, zon perlindungan, biodiversiti
- Nilai ini sukar diukur tepat tetapi boleh menyumbang RM10 juta hingga RM20 juta setahun dalam bentuk nilai ekosistem.

SINAR HARIAN
Tarikh: 05 JUN 2025

# Malaysia sasar 500,000 pelancong UK 2026

SH 5/6

## Ahmad Zahid optimis pakej khas mampu tarik lebih ramai pelawat

**LONDON**

Malaysia menyasarkan ketibaan 500,000 pelancong dari United Kingdom (UK) sempena Tahun Melawat Malaysia 2026 (TMM2026), kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Menurutnya, jumlah itu dapat dicapai berdasarkan kedatangan pelancong dari negara berkenaan pada empat bulan pertama tahun ini, yang menunjukkan peningkatan memberangsangkan dan beliau yakin jumlah berkenaan terus meningkat.

"Saya berpuas hati dengan usaha dijalankan Tourism Malaysia di London ini khususnya, ...hasrat untuk memperoleh 500,000 pelancong dari United Kingdom ini saya yakin akan dapat dicapai," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan TMM2026 di sini, pada Selasa.



AHMAD ZAHID

Terdahulu, Ahmad Zahid menghadiri Sesi Meja Bulat Pelancongan bersama pemain industri pelancongan di UK.

Pada sesi meja bulat itu, beliau berkata, terdapat cadangan pengenalan pakej khas kepada pelancong yang menaiki penerbangan Malaysia dengan menawarkan insentif *stopover* untuk mereka singgah dan menikmati pengalaman di Kuala Lumpur atau mana-mana destinasi di Semenanjung.

"Saya telah bersetuju untuk membawa perkara ini kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dan membawa kepada Kabinet untuk kita mohon supaya pakej ini dapat dilaksanakan menjelang 2026.

"... kerana Malaysia Airlines pernah memberikan pakej sama satu ketika dahulu, ia cukup berjaya dan mungkin saranan diberikan oleh pengurus Malaysia Airlines di London ini boleh kita realisasikan," ujarnya.

Dalam ucapannya sebelum itu, Ahmad Zahid berkata, pada 2024, Malaysia mencatatkan 390,035 kedatangan pelancong dari UK yang menyumbang kepada lebih RM2.5 bilion daripada hasil perbelanjaan pelancong.

Tambahnya, Malaysia juga telah meluluskan 103 laluan antarabangsa baharu, 29 kekerapan tambahan dan lima penerbangan carter.

"Semuanya sebagai persiapan TMM2026. Saya percaya laluan ini bukan sekadar infrastruktur tetapi juga pintu kepada pelbagai peluang sama ada untuk pelancong, pengendali mahupun pelabur," jelasnya. - *Bernama*

SINAR HARIAN
Tarikh: 05 JUN 2025

# Malaysia sedia terajui pembangunan Bandar AI di ASEAN

**SCEKL25 langkah berani Malaysia menjadi hab digital utama serantau**

Oleh SITI AISYAH MOHAMAD
KUALA LUMPUR

Malaysia bersedia menerajui pembangunan Bandar Kecerdasan Buatan (AI) di ASEAN menerusi penganjuran Smart City Expo Kuala Lumpur 2025 (SCEKL25) yang akan diadakan pada 17 hingga 19 September 2025.

Menteri Digital, Gobind Singh Deo berkata, acara itu bakal menjadi lonjakan besar yang bakal meletakkan negara sebagai hab utama bagi inovasi bandar pintar, transformasi digital dan pembangunan bandar mampan.

"SCEKL25 melambangkan langkah berani Malaysia untuk menjadi hab digital utama serantau yang mana ia membuka ruang untuk perbincangan mengenai masa depan inovasi bandar.

"Ini menjadi platform penting untuk perbincangan transformatif mengenai peranan teknologi seperti AI dalam membentuk bandar pintar yang inklusif, lestari dan pintar di seluruh ASEAN," katanya ketika pelancaran rasmi kira detik 100 hari menuju SCEKL, di sini pada Rabu.

Malaysia akan menjadi tuan rumah pertama untuk edisi Asia Tenggara melalui SCEKL25 bagi Smart City Expo World Congress Barcelona yang terkenal di dunia.

FOTO: MOHD HALIM ABDUL WAHID




**Gobind (tengah) bersama barisan jenama yang memberi sokongan global terhadap penganjuran Smart City Expo Kuala Lumpur 2025 (SCEKL25) pada Rabu.**

Ekspo yang dianjurkan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) bersama Digital Nasional Berhad (DNB) bagi Kementerian Digital itu mengangkat tema Bandar AI: Membentuk Masa Depan Digital Kita.

Mengulas lanjut, Gobind berkata, acara tersebut akan menghimpunkan pemimpin global, pelabur, inovator teknologi dan penggubal dasar untuk meneroka potensi AI serta teknologi baharu bagi mengubah landskap kehidupan bandar.

Menurutnya, ia turut memperkukuh hasrat negara untuk mencapai status Smart Nation menjelang 2040 seperti digariskan dalam Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4).

"Empat tonggak utama yang menjadi asas kepada SCEKL25 iaitu bandar AI, bandar lestari dan tahan uji, keusahawanan digital dan pembangunan ekonomi serta pemberdayaan komuniti melalui penyelesaian digital.

"Inisiatif ini mencerminkan komitmen negara untuk menerajui rantau ini dalam membina bandar yang pintar, inklusif, tahan lasak dan mampan yang dikuasakan oleh AI di mana teknologi memperkasa rakyat dan mendorong gelombang baharu transformasi bandar," ujarnya.

SINAR HARIAN
05 JUN 2025
Tarikh: ..............................

# SPRM sita RM143 juta aset mewah Tan Sri

Semua keterangan belum dirakam kerana beliau masih berada di wad hospital

**KUALA LUMPUR** 8H 5/6

Mahkamah & Jenayah

Jumlah sitaan penyelewengan dana sukuk pembinaan lebuh raya di Lembah Klang yang dipercayai milik seorang pemegang konsesi bergelar Tan Sri kini mencecah kira-kira RM143 juta, hasil daripada operasi yang dijalankan sejak minggu lalu.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki memberitahu, sitaan itu melibatkan 14 akaun individu berjumlah RM4.5 juta, lapan akaun syarikat berjumlah RM33 juta, kondominium mewah dan sebidang tanah bernilai RM24.5 juta, sembilan unit kereta berjumlah RM7.65 juta (13 unit belum diserahkan kepada pasukan siasatan).



AZAM

Menurut Azam, turut disita ialah jam tangan mewah bernilai kira-kira RM25 juta, tas tangan (RM3 juta), barang kemas serta berlian (RM6 juta), empat ekor kuda (RM400,000), minuman beralkohol (RM3 juta), aset luar negara yang dinilai lebih daripada RM15 juta serta aktiviti perjudian dianggarkan RM20 juta.

"Siasatan awal mendapati kejadian berlaku antara tahun 2016 hingga 2020 di mana dana sukuk yang diluluskan berjumlah kira-kira RM1.35 bilion melibatkan penyelewengan tuntutan palsu bernilai kira-kira RM360 juta dan RM416 juta serta pinjaman fasiliti bank lain sebanyak RM50 juta.

"Projek lebuh raya bernilai RM1.67 billion ini juga gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

"Siasatan juga menumpukan isu rasuah bernilai RM12 juta yang dibayar kepada pihak tertentu sebagai balasan membantu membuat pengaliran wang keluar dan dikembalikan semula kepada suspek," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan pada Selasa malam.

Azam berkata, hasil tuntutan dana yang diseleweng itu dipercayai turut digunakan dalam aktiviti pengubahan wang haram.

Menurutnya, bagi menyeleweng dana-dana berkenaan, pihak-pihak terlibat dipercayai turut menggunakan golongan profesional seperti juruaudit, pakar kewangan, jurutera serta syarikat-syarikat yang bertindak sebagai penerima wang secara berlapis.

"Sehingga kini SPRM belum mengambil keterangan Tan Sri kerana masih berada di wad sebuah hospital swasta dan pegawai siasatan akan mendapatkan pengesahan daripada doktor berkaitan status kesihatan sebelum dirakamkan keterangannya.

"Sementara itu, jumlah keterangan saksi sehingga Rabu masih kekal dengan 45 orang dan saksi-saksi yang telah diambil keterangan sebelum ini telah dipanggil semula untuk memberikan keterangan lanjut," kata beliau.

Azam turut menjelaskan, pasukan siasatan juga sedang mengesan kenderaan mewah dan hartanah Tan Sri di dalam serta luar negara termasuk di London dan Switzerland.

Tambahnya, siasatan kini turut tertumpu kepada nilai sebenar minuman alkohol mewah dalam simpanan Tan Sri dengan kemungkinan wang berkenaan telah dipindahkan ke akaun-akaun lain.

Pada masa sama, tegas Azam, notis perisytiharan harta juga telah diserahkan kepada Tan Sri tersebut dan pihak yang berkaitan. - *Awani*




SINAR HARIAN
Tarikh: 05 JUN 2025

# Malaysia diiktiraf peringkat global, dipilih Presiden UN-Habitat 2025-2029

**PUTRAJAYA -** Pemilihan Malaysia sebagai Presiden Persidangan Program Penempatan Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN-Habitat) bagi penggal 2025-2029 merupakan satu pengiktirafan antarabangsa terhadap komitmen negara dalam menerajui agenda pembangunan bandar di peringkat global.


KOR MING

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam kenyataan pada Rabu memaklumkan perkara itu juga selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 11: Bandar dan Komuniti yang Mampan.

"Ini juga merupakan kali pertama Malaysia memegang jawatan tertinggi dalam platform perbandaran paling berprestij di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)," menurut kenyataan itu.

Pada Rabu, warga KPKT menyambut kepulangan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming dengan penuh rasa bangga susulan kejayaan Malaysia dipilih sebagai Presiden UN-Habitat dalam persidangan yang berlangsung di Nairobi, Kenya, baru-baru ini.

Menurut KPKT, sambutan ringkas itu mencerminkan solidariti dan semangat seluruh warga kementerian terhadap pencapaian penting tersebut yang meletakkan Malaysia di barisan hadapan dalam usaha membangunkan bandar yang lebih mampan, inklusif dan berdaya tahan.

Menerusi kenyataan sama, Kor Ming berterima kasih kepada seluruh warga KPKT serta jabatan dan agensi di bawahnya yang telah memainkan peranan penting dalam memperkukuh dasar dan inisiatif pembangunan bandar Malaysia di peringkat antarabangsa.

"Ini bukan sahaja kejayaan KPKT, tetapi kejayaan seluruh rakyat Malaysia. Amanah ini akan kita galas bersama dengan penuh tanggungjawab demi masa depan bandar-bandar kita," katanya.

KPKT memaklumkan, kejayaan itu dijangka membuka lebih banyak peluang kerjasama strategik antarabangsa, meningkatkan imej Malaysia sebagai peneraju dalam perancangan dan pembangunan bandar, serta memperkukuh suara negara dalam pelbagai perbincangan dasar di peringkat global. - *Bernama*

SINAR HARIAN
Tarikh: 0 5 JUN 2025

Kosmo 5/6

# Keracunan vape makin meningkat



**KES keracunan vape yang mengandungi bahan terlarang semakin meningkat sejak tiga tahun lalu.** – GAMBAR HIASAN

**GEORGE TOWN** – Kes keracunan akibat penggunaan vape yang mengandungi bahan terlarang meningkat secara mendadak sejak tiga tahun lalu yang dikhuatiri menjadi ancaman baharu kepada masyarakat.

Pegawai Farmasi Perkhidmatan Maklumat Ubat dan Racun Pusat Racun Negara (PRN), Universiti Sains Malaysia, Mohd. Fadhli Razali berkata, ia bagi mengelak lebih ramai anak muda terjebak dalam penyalahgunaan dadah sintetik terutama kanabinoid.

Menurutnya, PRN telah merekodkan sebanyak 76 panggilan berkaitan kes keracunan disyaki akibat pendedahan kepada vape dari tahun 2020 hingga 2024.

"Peningkatan ketara dikesan bermula tahun 2022 dengan 17 kes atau 65 peratus daripada jumlah tahunan.

"Kes terus meningkat saban tahun, apabila pada 2023 sahaja terdapat 27 kes atau 79 peratus dan pada 2024 sebanyak 26 kes atau 68 peratus. Majoriti kes melibatkan produk dikenali sebagai *magic mushroom*," katanya.

Dalam pada itu, katanya lagi, kumpulan usia yang paling terkesan adalah remaja antara 15 hingga 19 tahun iaitu sebanyak 41 peratus, diikuti dewasa mud berumur sekitar 20 tahun seba nyak 53 peratus, mencerminka krisis ini semakin menular dalar kalangan generasi muda.

"Antara gejala yang dialam oleh pesakit termasuk sawar pengsan, muntah, halusinasi, de lusi serta perubahan sikap ketar seperti menjadi agresif, mala terdapat kes yang menunjukka gejala serius hanya selepas sat atau dua sedutan.

"Lebih membimbangkan, ad pesakit yang mengalami gan guan psikiatri serta tingkah lak berbahaya kepada diri sendi dan orang sekeliling," ujarnya.

KOSMO
05 JUN 2025
Tarikh: ........................

**SELEWENG DANA SUKUK LEBUH RAYA**

Kejadian salah guna sukuk antara 2016 hingga 2020

- **14** Akaun individu — *berjumlah*..... RM4.5 juta
- Kondominium mewah dan sebidang tanah — *berjumlah*.......... RM24.5 juta
- **9** kereta — *berjumlah*... RM7.65 juta
- **13** kereta masih belum diserahkan kepada pasukan siasatan
- Jam tangan mewah — *bernilai kira-kira*...... RM25 juta
- Tas tangan — *bernilai*.................... RM3 juta
- Barang kemas serta berlian — *bernilai*.................... RM6 juta
- **4** kuda — *bernilai*....... RM400,000
- Minuman beralkohol — *bernilai*.................... RM3 juta
- Aset luar negara — *yang dinilai*........... >RM15 juta
- Aktiviti perjudian — *dianggarkan kira-kira*................. RM20 juta

jumlah keseluruhan sitaan kira-kira
**RM143 juta**

Metro INFOGRAFIK

PENYELEWENGAN DANA SUKUK LEBUH RAYA DI LEMBAH KLANG

# SPRM sita aset RM143 juta

Oleh Muhammad Hafis Nawawi
mhafisn@mediaprima.com.my

**Kuala Lumpur**

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengenal pasti jumlah sitaan yang membabitkan penyelewengan dana sukuk pembinaan lebuh raya di Lembah Klang yang dipercayai milik seorang pemegang konsesi lebuhraya bergelar Tan Sri bernilai kira-kira RM143 juta sepanjang operasi yang dijalankan sejak minggu lalu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki berkata, sitaan itu membabitkan 14 akaun individu berjumlah RM4.5 juta; lapan akaun syarikat berjumlah RM33 juta, kondominium mewah dan sebidang tanah bernilai RM24.5 juta; sembilan unit kereta berjumlah RM7.65 juta (13 kereta masih belum diserahkan kepada pasukan siasatan).

Menurutnya, turut disita adalah jam tangan mewah bernilai kira-kira RM25 juta; tas tangan bernilai RM3 juta; barang kemas serta berlian (RM6 juta); empat ekor kuda (RM400,000); minuman beralkohol (RM3 juta); aset luar negara yang dinilai lebih daripada RM15 juta serta aktiviti perjudian yang dianggarkan kira-kira RM20 juta.

"Siasatan awal mendapati kejadian berlaku antara 2016 hingga 2020, di mana dana sukuk yang diluluskan berjumlah kira-kira RM1.35 billion membabitkan penyelewengan tuntutan palsu sebanyak kira-kira RM360 juta dan RM416 juta serta pinjaman fasiliti bank lain sebanyak RM50 juta.

"Projek lebuh raya yang bernilai RM1.67 billion ini juga gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan siasatan juga menumpukan isu rasuah bernilai RM12 juta yang dibayar kepada pihak tertentu sebagai balasan membantu membuat pengaliran wang keluar dan dikembalikan semula kepada suspek," katanya.

Azam berkata, hasil tuntutan dana yang diseleweng itu dipercayai turut digunakan dalam aktiviti penggubahan wang haram.

"Bagi menyeleweng dana-dana berkenaan, pihak-pihak terbabit dipercayai turut menggunakan golongan profesional seperti juruaudit, pakar kewangan, jurutera serta syarikat yang bertindak sebagai penerima wang secara berlapis (*layering*).

"Sehingga kini, SPRM belum mengambil keterangan Tan Sri berkenaan kerana beliau masih berada di wad di sebuah hospital swasta dan hari ini (semalam) pegawai siasatan akan mendapatkan pengesahan daripada doktor berkaitan status kesihatan Tan Sri sebelum dirakamkan keterangannya.

"Sementara itu, jumlah keterangan saksi sehingga hari ini (semalam) masih kekal dengan 45 orang dan saksi yang sudah diambil keterangan sebelum ini dipanggil semula untuk memberikan keterangan lanjut," katanya.

Sementara itu, Azam turut menjelaskan pasukan siasatan juga sedang mengesan kenderaan mewah dan hartanah Tan Sri di dalam serta luar negara termasuk di London dan Switzerland.

"Siasatan kini turut tertumpu kepada nilai sebenar minuman alkohol mewah dalam simpanan Tan Sri dengan kemungkinan wang berkenaan dipindahkan ke akaun lain.

"Pada masa yang sama, notis pengisytiharan harta juga diserahkan kepada Tan Sri dan pihak yang berkaitan," katanya.

Bulan lalu, media melaporkan empat individu termasuk seorang Datuk Seri ditahan kerana disyaki membuat tuntutan palsu berjumlah kira-kira RM360 juta.

Kesemua suspek terdiri daripada tiga lelaki dan seorang wanita berusia lingkungan 50-an hingga 70-an ditahan ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM.

Keempat-empat suspek disyaki mengemukakan tuntutan palsu bernilai kira-kira RM360 juta menggunakan dana sukuk dalam sebuah projek pembinaan lebuh raya di Lembah Klang yang bernilai kira-kira RM1.30 bilion antara 2016 hingga 2017.

> "SPRM belum mengambil keterangan Tan Sri berkenaan kerana beliau masih berada di wad di sebuah hospital swasta
> *Azam Baki*



HARIAN METRO
Tarikh: 05 JUN 2025

# Dua polis makan suap RM20,000 kena reman enam hari

**Melaka:** Dua anggota polis direman enam hari bermula semalam bagi siasatan kes meminta dan menerima rasuah RM20,000 daripada seorang lelaki sebagai balasan berkaitan aktiviti dadah, bulan lalu.

Suspek masing-masing koperal dan lans koperal berusia 37 serta 26 tahun terbabit direman sehingga 9 Jun ini.

Perintah reman itu dikeluarkan oleh Majistret Uthman Abd Ghani selepas dipohon Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Menurut sumber, kedua-dua suspek ditahan antara jam 6.25 petang hingga jam 6.30 petang kelmarin ketika hadir bagi memberi keterangan di Pejabat SPRM Melaka.

"Suspek dipercayai meminta dan menerima wang daripada pengadu selepas dituduh menjual dadah berupa cecair rokok elektronik atau vape jenis *mushroom* sedangkan dia tidak pernah berbuat demikian," katanya.



PEGAWAI SPRM mengiringi dua suspek di Mahkamah Majistret Ayer Keroh.

*Suspek dipercayai meminta dan menerima wang daripada pengadu selepas dituduh menjual dadah berupa cecair rokok elektronik atau vape jenis mushroom sedangkan dia tidak pernah berbuat demikian"*

**Sumber**

Sementara itu, Pengarah SPRM Melaka, Adi Supian Shafie ketika dihubungi mengesahkan tangkapan.

Menurutnya, siasatan kes berkenaan dibuat mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009.

HM 5/6

HARIAN METRO
Tarikh: 05 JUN 2025


KEADAAN terkini kawasan perumahan yang musnah akibat insiden kebakaran saluran paip gas di Putra Heights pada 1 April lalu.

PUTRA HEIGHTS BERGEGAR

# Bantuan biaya sewa sehingga setahun

Oleh Ruwaida Md Zain
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Kerajaan negeri melanjutkan bantuan pembiayaan sewa rumah kepada mangsa kejadian letupan paip gas di Putra Heights, Subang Jaya bagi tempoh sehingga setahun.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan negeri, Datuk Borhan Aman Shah berkata, bantuan bulanan RM2,000 dilanjutkan bagi memastikan mangsa mendapat tempat perlindungan wajar hingga kediaman mereka siap sepenuhnya.

"Kerajaan negeri sebelum ini memutuskan untuk bayarkan sewa rumah selama enam bulan bermula April lalu.

"Bagaimanapun, kita akan lanjutkan sehingga setahun atau lebih terutama kepada mangsa yang rumah mereka rosak sepenuhnya kerana perlukan masa untuk bina semula," katanya ketika dihubungi, semalam.

Mengulas lanjut, Borhan berkata, bagi rumah yang rosak sebahagian, bantuan juga akan diteruskan sehingga rumah mereka siap.

"Mungkin perlukan sehingga tujuh, lapan bulan. Rumah rosak sedikit dan siap dibaiki, bantuan akan dihentikan selepas mereka boleh masuk rumah semula.

"Kita akan lihat setiap proses pembaikan semua rumah untuk mudahkan pemberian bantuan. Secara keseluruhan, dianggarkan lebih RM4 juta akan gunakan untuk biaya sewaan rumah mangsa," katanya.

Media sebelum ini melaporkan Selangor memperuntukkan RM2.73 juta untuk bantuan sewa rumah kepada 455 keluarga terkesan dalam insiden letupan dan kebakaran paip gas di Putra Heights, Subang Jaya, 1 April lalu.

Kebakaran itu mengakibatkan 81 rumah musnah sepenuhnya dengan kerosakan struktur melebihi 40 peratus, 81 separa musnah, 57 terkesan tetapi tidak terbakar, manakala 218 rumah tidak terjejas termasuk di Kampung Tengah, Puchong.

**"Bagaimanapun, kita akan lanjutkan sehingga setahun atau lebih terutama kepada mangsa yang rumah mereka rosak sepenuhnya kerana perlukan masa untuk bina semula"**

*Borhan Aman Shah*

HARIAN METRO
Tarikh: 05 JUN 2025

# Malaysia sedia terajui pembangunan bandar AI

HM 5/6

**Kuala Lumpur:** Malaysia bakal menjadi tuan rumah bagi Ekspo Bandar Pintar Kuala Lumpur 2025 (SCEKL2025), edisi pertama Kongres Ekspo Bandar Pintar Dunia untuk rantau Asia Tenggara serta Sidang Kemuncak Kecerdasan Buatan (AI) Asean.

Menteri Digital Gobind Singh Deo berkata, penganjuran ekspo ini mencerminkan penerajuan negara dalam pembangunan bandar pintar di samping usaha menangani impak AI ke atas bandar pada masa depan.

Sidang Kemuncak AI Asean berlangsung dari 12 Ogos hingga 13 Ogos depan, manakala SCEKL2025 diadakan dari 17 hingga 19 September depan.

Gobind berkata, sebagai Pengerusi Asean tahun ini, penganjuran SCEKL2025 oleh Malaysia memperlihatkan komitmen negara untuk membentuk masa depan inovasi bandar, bukan sahaja bagi negara, tetapi untuk seluruh rantau ini.

"Dengan ekosistem dan infrastruktur tersedia, Malaysia bukan sahaja bersedia menjadi tuan rumah SCEKL2025, kita juga bersedia untuk meneraju pembangunan Bandar AI di seluruh Asean," katanya pada sidang media selepas melancarkan kira detik 100 hari penganjuran rasmi SCEKL2O25, di sini, semalam.

Mengenai penyertaan bandar Asean dalam Rangkaian Bandar Pintar Asean (ASCN), beliau berkata penerimaan lebih meluas dalam kalangan negara berbeza pastinya merupakan sebahagian daripada perbincangan berterusan dalam negara anggota Asean.

ASCN adalah platform kerjasama bagi bandar-bandar dari 10 Negara Anggota Asean untuk mencapai matlamat bersama pembangunan bandar pintar dan mampan.

Bermula dengan 26 bandar perintis, projek itu kini telah berkembang dengan jumlah keahlian meningkat kepada 34 bandar.

Gobind berkata, sebagai Pengerusi Asean, Malaysia sedang giat memajukan Perjanjian Rangka Kerja Ekonomi Digital Asean (Defa) yang bertujuan untuk memanfaatkan potensi ekonomi digital bernilai AS$2 trilion menjelang 2030 melalui pelaburan rentas sempadan, akses pasaran dan peraturan digital yang diselaraskan.

"Menganjurkan SCEKL2025 adalah sebahagian daripada agenda penerajuan ini. Ia meletakkan Malaysia sebagai hab serantau bagi inovasi bandar pintar, kerjasama awam-swasta dan pembangunan digital yang inklusif," katanya. - Bernama

HARIAN METRO
Tarikh: 05 JUN 2025

# RM143 juta nilai keseluruhan aset disita

BH 5/6

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyenaraikan sejumlah harta yang dirampas dalam siasatan penyelewengan sukuk untuk pembinaan lebuh raya di Lembah Klang membabitkan seorang kenamaan bergelar Tan Sri.

Jumlah keseluruhan sitaan kira-kira RM143 juta dan antaranya ialah 14 akaun individu berjumlah RM4.5 juta serta lapan akaun syarikat berjumlah RM33 juta.

Selain itu, turut dirampas ialah minuman beralkohol bernilai RM3 juta, aset luar negara yang dinilai lebih daripada RM15 juta, kegiatan perjudian yang dianggarkan kira-kira RM20 juta.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata siasatan awal mendapati kejadian berlaku di antara tahun 2016 hingga 2020.

Penyelewengan membabitkan dana sukuk yang diluluskan berjumlah kira-kira RM1.35 bilion dengan penyelewengan tuntutan palsu bernilai kira-kira RM360 juta dan RM416 juta serta pinjaman fasiliti bank lain sebanyak RM50 juta.

"Projek lebuh raya yang bernilai RM1.67 bilion ini juga gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan siasatan juga menumpukan kepada isu rasuah bernilai RM12 juta yang dibayar kepada pihak tertentu sebagai balasan membantu membuat pengaliran wang keluar dan dikembalikan semula kepada suspek," katanya.

Azam berkata, hasil tuntutan dana yang diseleweng ini dipercayai turut digunakan dalam penggubahan wang haram.

SPRM sebelum ini menyita aset dan membekukan akaun bank dengan nilai keseluruhan RM85.6 juta dalam siasatan terhadap seorang Tan Sri, membabitkan penyelewengan dana sukuk pembinaan lebuh raya di Lembah Klang.

Bulan lalu, media melaporkan empat individu, termasuk seorang Datuk Seri ditahan kerana disyaki membuat tuntutan palsu berjumlah kira-kira RM360 juta.

Semua suspek terdiri daripada tiga lelaki dan seorang wanita berusia lingkungan 50-an hingga 70-an ditahan ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM.

Keempat-empat suspek disyaki mengemukakan tuntutan palsu bernilai kira-kira RM360 juta menggunakan dana sukuk dalam sebuah projek pembinaan lebuh raya di Lembah Klang yang bernilai kira-kira RM1.3 bilion antara 2016 hingga 2017.

BERITA HARIAN
Tarikh 05 JUN 2025

# Vape ada bahan terlarang cetus ancaman baharu



## Satu atau dua sedutan boleh akibatkan sawan, beri kesan gejala keracunan serius

BH 5/6

**Oleh Zuhainy Zulkiffli**
bhnews@bh.com.my

**Georgetown:** Satu atau dua sedutan sahaja daripada vape yang mengandungi bahan terlarang boleh mengakibatkan sawan atau tingkah laku agresif.

Pusat Racun Negara Universiti Sains Malaysia (USM) juga mendapati cecair vape yang mengandungi Magic Mushroom sebenarnya mempunyai dadah sintetik yang boleh menyebabkan keracunan teruk sehingga membawa maut.

Pegawai Farmasi Perkhidmatan Maklumat Ubat dan Racun, Mohd Fadhli Razali, berkata kebanyakan pesakit yang dikaji pusat itu mengalami gejala seperti sawan, pengsan, muntah dan gejala psikiatri seperti halusinasi, delusi dan perubahan sikap termasuk bertindak agresif akibat vape.

Katanya, sebahagian besar kes menunjukkan gejala keracunan serius walaupun dengan satu atau dua sedutan sahaja, pesakit mengalami sawan dan tingkah laku tidak normal yang boleh membahayakan diri sendiri serta orang sekeliling.

"Analisis Pusat Racun Negara terhadap beberapa sampel cecair vape yang didakwa mengandungi Magic Mushroom mendapati kandungan sebenarnya ialah dadah sintetik yang boleh menyebabkan keracunan teruk sehingga membawa maut.

"Ini membuktikan vape sangat mudah dimanipulasi dan tanpa kawalan ketat, ini membuka ruang kepada penyalahgunaan dadah berbahaya dalam masyarakat.

"Remaja menjadi sasaran utama penjualan produk berkenaan kerana akses mudah melalui platform dalam talian yang sukar dikawal," katanya dalam kenyataan semalam.

Mohd Fadhli berkata, Pusat Racun Negara merekodkan peningkatan mendadak panggilan kes keracunan akibat pendedahan kepada vape yang disyaki mengandungi bahan terlarang sejak 2022.

### Kes melonjak ketara

Katanya, data pusat itu menunjukkan sebanyak 76 panggilan berkaitan kes pendedahan vape disyaki mengandungi bahan terlarang dirujuk antara tahun 2020 hingga 2024.

Katanya, lonjakan ketara bermula tahun 2022 iaitu sebanyak 65 peratus (17 kes) daripada jumlah kes pendedahan vape pada tahun itu, meningkat saban tahun dengan 79 peratus (27 kes) pada tahun 2023 dan 68 peratus (26 kes) pada 2024.

"Sebanyak 81 peratus kes membabitkan vape yang didakwa sebagai Magic Mushroom dengan kebanyakannya membabitkan remaja berusia 15 hingga 19 tahun (41 peratus) dan awal dewasa 20 tahun (53 peratus), membuktikan trend ini semakin membarah dalam kalangan generasi muda," katanya.

Mohd Fadhli berkata, peningkatan kes keracunan vape membuktikan keperluan bagi penguatkuasaan segera pengimportan, pengilangan dan pengedaran cecair rokok elektronik di pasaran tempatan mengikut Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024.

Katanya, negeri yang sudah mengharamkan penjualan dan penggunaan vape wajar disokong sepenuhnya demi melindungi generasi muda daripada ancaman dadah baharu

"Penyalahgunaan bahan terlarang menerusi menghisap vape bukan lagi isu terpencil, sebaliknya menjadi krisis kesihatan awam yang memerlukan tindakan segera dan bersepadu," katanya.

Kerajaan Perlis mengharamkan sebarang bentuk penjualan vape atau rokok elektronik berkuat kuasa 1 Ogos ini, manakala pengusaha kedai vape di Kedah diberi tempoh hingga Disember untuk menghentikan operasi, susulan larangan sepenuhnya penjualan rokok elektronik itu di negeri itu.

Kerajaan Perak, Melaka dan Selangor pula masih di peringkat kajian sama ada perlu mengharamkan vape.

BERITA HARIAN
Tarikh 05 JUN 2025

# MPN jadi platform strategik selaras dasar pendidikan

BH 5/6

**Kuala Lumpur:** Majlis Pendidikan Negara (MPN) bakal menjadi platform strategik tertinggi negara dalam menyelaras dasar dan pelaksanaan pendidikan merentas kementerian bermula dari peringkat prasekolah sehingga peringkat tertinggi, kata Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek.

Beliau berkata, dengan penubuhan MPN itu juga membolehkan isu pendidikan yang berbangkit diselesaikan secara tuntas dan menyeluruh.

Fadhlina berkata demikian menerusi hantaran di Facebook selepas mempengerusikan Mesyuarat Penyelarasan Penubuhan MPN secara bersama dengan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir semalam.

"Perbincangan hari ini (semalam) tertumpu kepada cadangan terma rujukan, hala tuju dan gerak kerja bersepadu bagi MPN," katanya.

Beliau berkata, reformasi pendidikan yang radikal dan berani seperti yang dihasratkan memerlukan pembabitan menyeluruh semua pihak. BERNAMA



*Fadhlina bersama Zambry pada Mesyuarat Penyelarasan Penubuhan Majlis Pendidikan Negara di Kuala Lumpur, semalam.* (Foto ihsan FB Fadhlina Sidek)

BERITA HARIAN
Tarikh 05 JUN 2025

Letupan paip gas di Putra Heights

# Selangor lanjutkan bantuan sewa rumah sehingga setahun

BH 5/6

**Shah Alam:** Kerajaan negeri melanjutkan bantuan pembiayaan sewa rumah kepada mangsa kejadian letupan gas di Putra Heights, Subang Jaya sehingga setahun.

Exco Perumahan, Datuk Borhan Aman Shah, berkata bantuan sewa sebanyak RM2,000 sebulan itu dilanjutkan bertujuan memastikan mangsa mendapat tempat perlindungan sewajarnya sehingga kediaman mereka siap sepenuhnya.

"Kerajaan negeri sebelum ini memutuskan untuk bayarkan sewa rumah selama enam bulan bermula April lalu.

"Bagaimanapun kita akan lanjutkan sehingga setahun atau lebih terutama kepada mangsa yang rumah mereka rosak sepenuhnya kerana perlukan masa untuk bina semula," katanya ketika dihubungi semalam.

Borhan berkata, bagi rumah mangsa yang rosak sebahagian, bantuan juga akan diteruskan sehingga rumah mereka siap.

"Mungkin perlukan sehingga tujuh, lapan bulan. Rumah rosak sedikit dan siap dibaiki, bantuan akan dihentikan selepas mereka boleh masuk rumah (yang dibaiki).

"Jadi kita akan lihat setiap proses pembaikan semua rumah untuk mudahkan pemberian bantuan. Secara keseluruhan, dianggarkan lebih RM4 juta akan gunakan untuk biaya sewaan rumah mangsa," katanya.

Media sebelum ini melaporkan Selangor memperuntukkan RM2.73 juta untuk bantuan sewa rumah kepada 455 keluarga yang terkesan dalam insiden letupan dan kebakaran paip gas di Putra Heights, Subang Jaya, awal April lalu.

Kebakaran 1 April itu mengakibatkan 81 rumah musnah sepenuhnya dengan kerosakan struktur melebihi 40 peratus, 81 separa musnah, 57 terkesan tetapi tidak terbakar, manakala 218 rumah tidak terjejas termasuk di Kampung Tengah, Puchong.



*Sebahagian rumah yang terjejas teruk akibat letupan paip gas di Putra Heights 1 April lalu.* (Foto Hazreen Mohamad/BH)

BERITA HARIAN
Tarikh: 05 JUN 2025

# Siasatan awal nahas FRU dibentang minggu depan

BH 5/6

**Putrajaya:** Laporan siasatan awal nahas membabitkan anggota Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) di Teluk Intan, Perak akan dibentangkan dalam Mesyuarat Kabinet, minggu depan.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, berkata laporan itu dijangka dibentang selepas tempoh 30 hari diberikan kepada pasukan petugas khas menyiasat kemalangan maut itu.

"Saya akan membentangkan laporan itu kepada Jemaah Menteri sebelum melakukan langkah seterusnya," katanya pada sidang media semalam.

**Sembilan maut**

Dalam kemalangan 12 Mei lalu, sembilan anggota FRU terbunuh apabila trak pasukan itu bertembung dengan sebuah lori dekat Teluk Intan.

Pasukan petugas khas yang ditubuhkan bagi menyiasat kemalangan maut itu dianggotai pakar serta wakil agensi utama berkaitan dengan Ketua Inspektor Kemalangan Udara Kementerian Pengangkutan, Brigedier Jeneral Tan Chee Kee, sebagai pengerusi.

Pasukan itu turut disertai Ahli Parlimen Simpang Renggam, Datuk Seri Hasni Mohammad dan Ahli Parlimen Jerantut, Khairil Nizam Khirudin.

BERITA HARIAN
Tarikh 05 JUN 2025

# Kenderaan asing gagal daftar VEP berdepan saman

## Penguatkuasaan di sempadan darat Malaysia, Singapura bermula 1 Julai

BH 5/6

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my




*Loke pada sidang media di Putrajaya, semalam.* (Foto BERNAMA)

**Putrajaya:** Kementerian Pengangkutan akan menguatkuasakan sepenuhnya Permit Masuk Kenderaan (VEP) di sempadan darat Malaysia-Singapura bermula 1 Julai ini bagi memastikan keselamatan semua pengguna jalan raya.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, berkata penguatkuasaan itu selaras dengan Seksyen 66H (7) Akta Pengangkutan Jalan 1987, iaitu menjadi kesalahan bagi mana-mana individu memandu kenderaan bermotor asing tanpa permit sah sebelum memasuki atau semasa berada di Malaysia.

Beliau berkata, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan mengeluarkan notis amaran kepada pemilik kenderaan asing yang belum mendaftar atau mengaktifkan VEP mereka.

"Jika kenderaan persendirian memasuki Malaysia tanpa VEP yang sah, mereka akan dikenakan denda RM300 dan denda itu perlu dijelaskan sebelum meninggalkan negara. Kenderaan yang gagal membayar saman akan disekat keluar.

"Mengapa kita laksanakan pada 1 Julai? Kerana tempoh masa yang mencukupi sudah diberikan iaitu bermula dengan pendekatan advokasi lembut sejak 1 Oktober 2024," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

### Notis peringatan

Loke berkata, bagi kenderaan persendirian syarikat yang belum mendaftar VEP pula akan diberi notis peringatan dan dibenarkan keluar dari negara ini.

Beliau berkata, kenderaan persendirian sudah diberikan tempoh beberapa bulan lalu untuk melakukan prapendaftaran.

Penguatkuasaan VEP di Pintu Sempadan Darat Malaysia-Singapura itu dilaksanakan bermula 1 Oktober 2024 yang dijalankan secara berfasa dengan kaedah advokasi, iaitu mengeluarkan notis peringatan kenderaan Singapura yang belum membuat pendaftaran VEP.

Ia dikuatkuasakan untuk pintu masuk di kedua-dua kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) di Johor iaitu di Bangunan Sultan Iskandar (BSI) di Tambak Johor dan di Bangunan Sultan Abu Bakar di Link Kedua Malaysia-Singapura.

Loke berkata, berdasarkan penguatkuasaan fasa pertama, sebanyak 52,012 kenderaan Singapura diperiksa secara rawak dan 2,245 iaitu 4.32 peratus Notis Peringatan dikeluarkan kepada pemilik kenderaan yang belum mendaftar VEP.

Sehingga 2 Jun lalu, sebanyak 231,018 *Tag Radio Frequency Identification* (RFID) dikeluarkan untuk kenderaan persendirian individu, manakala 2,660 untuk kenderaan persendirian syarikat.

"JPJ menyeru kepada semua pemilik kenderaan motor asing untuk segera mendaftar, memasang dan mengaktifkan tag RFID VEP bagi mengelakkan sebarang kesulitan semasa memasuki dan keluar dari Malaysia pada masa akan datang," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh 05 JUN 2025

# Orang ramai dinasihat cakna elak COVID-19 menular semula

BH 5/6

**Kuala Lumpur:** Peningkatan kes COVID-19 secara mendadak di negara jiran seperti Thailand dan Singapura berpotensi menyebabkan pertambahan kes dalam negara ini.

Pakar Perunding Kesihatan Awam, Prof Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman, berkata pemantauan global menunjukkan trend peningkatan kes COVID-19 sejak Februari lalu yang mana kes dilapor meningkat sebanyak 11 peratus khususnya di Asia Tenggara, Mediterranean Timur dan Rantau Pasifik.

Katanya, perubahan atau kitaran varian baharu yang kurang dikenal pasti oleh sistem imunisasi badan antara punca peningkatan kes itu.

"Seperti Influenza, COVID-19 sudah berada dalam kalangan masyarakat dan ia juga bervariasi selain varian virus juga akan berubah dari semasa ke semasa.

"Justeru, besar kemungkinan perkara sama (peningkatan kes) boleh berlaku di Malaysia kerana tiada halangan pergerakan merentasi sempadan. Oleh itu, varian baharu boleh juga sampai di negara ini.

"Ia memandangkan ratusan ribu pergerakan (kenderaan dan kemasukan pelancong serta warga asing) di sempadan Thailand dan Singapura ke dalam negara kita," katanya.



*Lokman Hakim*

Dalam pada itu, Lokman Hakim menasihati orang ramai untuk meneruskan amalan baik termasuk menggunakan pelitup muka, amalan adab batuk yang betul dan mengelakkan tempat sesak khususnya bagi individu berisiko kerana ia dapat membantu mengurangkan penularan penyakit.

"Walaupun kita dengar berlaku peningkatan kes, ia tidak menyebabkan jangkitan yang serius seperti di Singapura yang mana tiada laporan berhubung peningkatan dalam kes yang memerlukan rawatan rapi.

"Setakat ini tiada apa yang perlu dibuat untuk kekang kemasukan varian baharu, hanya masyarakat perlu cakna dan teruskan amalan baik," katanya.

Terdahulu Jabatan Kawalan Penyakit Thailand (DDC) melaporkan data terkini kes COVID-19, menunjukkan jumlah kes baharu dalam tempoh dua hari (1-2 Jun) meningkat kepada 28,294 kes.

Data berkenaan dilapor direkodkan bagi minggu 25 tahun 2025 melalui sistem pemantauan digital (DDS).

Memetik laporan *The Nation*, daripada jumlah itu, satu kematian dilaporkan, manakala 9,304 kes adalah pesakit luar dan 888 adalah kes kritikal yang memerlukan rawatan di hospital.

Selain itu, satu kematian dilaporkan.

Sehingga 27 Mei 2025, jumlah kumulatif kes COVID-19 bagi 2025 ialah 323,301, dengan 69 kematian keseluruhan tahun ini.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Dr Taweesin Visanuyothin, dilapor berkata peningkatan jumlah kes berkemungkinan disebabkan faktor musim hujan yang melanda lebih awal dan pembukaan sekolah.

BERITA HARIAN
Tarikh 05 JUN 2025

# Peniaga kecil dibenar guna, simpan gas LPG bersubsidi terhad 3 tong

BH 5/6

**Kuala Lumpur:** Peniaga kecil masih dibenarkan menggunakan tong gas petroleum cecair (LPG) bersubsidi berwarna hijau pada kadar maksimum tiga tong atau 42 kilogram pada sesuatu masa.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Dr Fuziah Salleh, berkata peniaga kecil tidak perlu menggunakan tong ungu seperti didakwa beberapa pihak dengan syarat mematuhi had maksimum penggunaan tong gas bersubsidi itu.

Beliau memberikan penjelasan mudah dan ringkas mengenai isu tong gas LPG untuk kegunaan komersial berwarna ungu dan juga silinder gas bersubsidi.

Menggunakan analogi Mak Cik Kiah sebagai peniaga kecil, Fuziah berkata, peniaga kecil masih boleh menggunakan tong LPG bersubsidi yang berwarna hijau.

"Mak Cik Kiah tak perlu pun guna tong *purple* (ungu). Masih ada yang keliru, jadi biar saya jelaskan dengan mudah. Peniaga kecil macam Mak Cik Kiah masih boleh guna tong gas hijau (subsidi).

"Syaratnya, tidak lebih tiga tong gas 14 kg pada satu masa. Ini bermakna, kalau Mak Cik Kiah guna satu tong untuk goreng pisang, satu untuk (masak) mi, satu untuk air, Mak Cik Kiah masih layak guna tong hijau bersubsidi.

"Tak perlu tukar ke tong *purple*," katanya melalui muat naik di Facebook.

Sejak 1 Mei lalu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengumumkan pelaksanaan Ops Gasak bagi mengekang ketirisan serta penyelewengan tong LPG bersubsidi khususnya industri berskala sederhana dan besar.

Selain itu, ia bertujuan membanteras penyelewengan melalui aktiviti haram *decanting* iaitu pemindahan LPG dari tong bersubsidi kepada tong tidak bersubsidi untuk jualan komersial dan penyeludupan.

Bagaimanapun, langkah itu disalah faham beberapa pihak, termasuk pembangkang menjadikan ia isu kononnya kerajaan menarik subsidi gas daripada perniagaan kecil.

Fuziah mengingatkan semua pihak supaya tidak menakutkan rakyat dengan maklumat tidak tepat kerana kerajaan akan terus memastikan subsidi sampai kepada mereka yang benar-benar layak.

"Tong gas *purple* (tanpa subsidi) diwajib kepada pengguna industri dan komersial berskala besar seperti restoran, kilang, hotel dan seumpamanya.

"Jadi, janganlah kita takut-takutkan rakyat dengan maklumat kurang tepat. Yang penting, bantuan (subsidi) kerajaan sampai kepada yang benar-benar layak," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh 05 JUN 2025

# Pengharaman vape pilih bulu, tindas peniaga bumiputera

UM 5/6

Oleh FATIN NORIZATI MAT ISA
norizati.isa@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Pengharaman penjualan vape tanpa pelaksanaan mekanisme kawal selia jelas disifatkan sebagai tindakan pilih bulu dan menekan pengusaha bumiputera berbanding layanan terhadap industri rokok yang dikawal secara tersusun dan dimonopoli syarikat besar.

Setiausaha Dewan Perniagaan Vape Malaysia (DPVM), Ridhwan Rosli berkata, tindakan beberapa kerajaan negeri mengharamkan penjualan vape tanpa rangka kerja undang-undang yang komprehensif amat mengecewakan, terutamanya kepada pengusaha kecil dan sederhana (PKS) tempatan.

"Industri vape tidak pernah diberi pengiktirafan rasmi. Kami tidak mempunyai kod bidang pendaftaran di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), tiada kod cukai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan tiada permit sah daripada pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Kami tidak pernah menerima sebarang bantuan kewangan daripada kerajaan mahupun institusi kewangan kerana industri ini dianggap tidak wujud dalam sistem.

"Tetapi apabila mahu diharamkan, penjualan terus menjadi sasaran tanpa mengambil kira struktur ekonomi dan nasib peniaga," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Johor menjadi negeri pertama mengharamkan penjualan vape sejak tahun 2016, diikuti oleh Kelantan dan Terengganu yang melaksanakan larangan serupa atas faktor kesihatan serta prinsip agama manakala Perlis pula mengikut langkah sama bermula 1 Ogos ini.




Ridhwan berkata, larangan secara mengejut hanya menjejaskan peruncit tempatan, manakala aktiviti pengilangan, pengedaran dan import produk vape oleh syarikat luar negara masih berjalan seperti biasa.

"Apa yang diharamkan hanya penjualan di peringkat runcit. Syarikat dari Amerika Syarikat dan China akan terus beroperasi. Tetapi peniaga kecil, khususnya bumiputera, akan gulung tikar.

"Isu sebenar ialah kegagalan kerajaan mengawal selia industri ini sejak awal. Sekarang bila gagal dikawal, jalan mudah ialah haramkan terus. Ini bukan penyelesaian yang adil," katanya.

Mengenai penyalahgunaan vape, Ridhwan mengakui ia berlaku, namun menolak persepsi bahawa vape adalah punca utama penagihan dadah.

"Kes penyalahgunaan vape yang dicampur dadah adalah simptom kepada masalah dadah yang lebih besar. DPVM tidak menolak kawal selia, malah kami menyokong penguatkuasaan yang menyeluruh dan adil agar industri ini dapat dikawal secara sah dan tersusun," katanya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 05 JUN 2025

# Tidak daftar VEP: Kenderaan asing kena bayar saman sebelum keluar

**PUTRAJAYA:** Kerajaan akan melaksanakan penguatkuasaan sepenuhnya Permit Masuk Kenderaan (VEP) di pintu masuk sempadan darat Malaysia-Singapura bermula 1 Julai ini.

Pemilik kenderaan asing persendirian yang gagal mendaftar atau mengaktifkan VEP akan dikenakan saman RM300 oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), dan saman itu wajib dijelaskan sebelum meninggalkan Malaysia.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke berkata, tempoh advokasi dan pendekatan lembut diberikan sejak 1 Oktober 2024 dan kini tiba masanya dikuatkuasakan sepenuhnya.

Katanya, bagi individu, sekiranya tiada VEP sah atau hanya pra daftar, mereka tetap dikenakan saikan sebelum kenderaan dibenarkan keluar, dan pendaftaran VEP diwajibkan.

"Mengapa kita laksanakan 1 Julai ini? Ini kerana masa yang telah diberikan agak panjang seperti yang kita katakan, kita bermula dengan *soft approach* advokasi pada 1 Oktober 2024," katanya pada sidang akhbar di Kementerian Pengangkutan (MOT) di sini semalam.

Mengenai kaedah penguatkuasaan, Loke berkata, kenderaan persendirian individu yang didapati tiada VEP sah akan dikenakan tindakan saman dan wajib membayar saman tersebut serta mendaftar VEP sebelum meninggalkan Malaysia.

Manakala bagi kenderaan pra daftar VEP, mereka akan dikena- [illegible] membayarnya sebelum keluar.

Sementara itu, untuk kenderaan persendirian milik syarikat, mereka turut dikenakan saman sekiranya tiada VEP sah, namun diberikan sedikit kelonggaran jika dalam status pra daftar.

Hanya notis peringatan akan dikeluarkan, memandangkan proses pendaftaran bagi syarikat memerlukan pelbagai dokumen tambahan.

"Banyak syarikat belum lengkapkan dokumentasi, jadi kita beri sedikit ruang untuk mereka patuhi syarat," katanya.

Pelaksanaan ini, katanya, selaras dengan Seksyen 66H(7), Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333), yang menjadikan kesalahan jika mana-mana kenderaan asing masuk atau berada dalam negara tanpa VEP sah.

Bayaran saman hanya boleh dibuat tanpa tunai melalui kaunter JPJ, kaunter bergerak JPJ Mobile atau secara dalam talian menerusi MyEG.

Sehingga kini, sebanyak 52,012 kenderaan dari Singapura telah diperiksa secara rawak, dengan 2,245 notis peringatan dikeluarkan kepada pemilik yang belum mendaftar.

Statistik terkini menunjukkan 231,018 tag RFID telah dipasang pada kenderaan persendirian individu, namun hanya 194,507 telah diaktifkan. Bagi syarikat, sebanyak 2,660 tag diaktifkan.

Loke menyeru semua pemilik kenderaan asing segera mendaftar dan mengaktifkan VEP bagi mengelakkan gangguan ketika memasuki atau keluar dari Malaysia.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 05 JUN 2025



MAHANIJAH
MD. KAMAL

um 5/6

# Jurutera perlu kuasai kemahiran baharu

JURUTERA masa kini bukan sahaja perlu mahir dalam aspek teknikal, malah keupayaan memahami pengurusan lestari (*sustainability management*) kerana ia semakin menjadi keperluan kritikal dalam menghadapi peralihan ke arah ekonomi hijau.

Mereka bakal memainkan peranan yang signifikan dalam memacu pembangunan ekonomi negara, sambil memastikan keseimbangan antara kemajuan, kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan sosial terus terpelihara.

Ini kerana ekonomi hijau menekankan penggunaan sumber yang cekap, tenaga boleh diperbaharui serta amalan organisasi mesra alam menjerumuskan kepada tuntutan terhadap jurutera mahir pengurusan lestari.

Ia diperlukan bukan sahaja untuk membangunkan teknologi hijau serta pengurusan sumber tenaga yang berkesan, malah bertanggungjawab memastikan pematuhan kepada piawaian alam sekitar seperti ISO14001 dan prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).

Justeru, institusi pendidikan tinggi (IPT) bertanggungjawab memastikan mahasiswa diterapkan dengan nilai kelestarian dalam membina kesedaran terhadap alam sekitar pada masa hadapan sepanjang pengajiannya di universiti.

Kesedaran terhadap alam sekitar itu turut merangkumi faktor sosial dan pertumbuhan ekonomi yang sudah pun didasarkan dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) menerusi Sidang Kemuncak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York, Amerika Syarikat (AS) pada tahun 2015 yang mempunyai 17 matlamat untuk dicapai menjelang tahun 2030.

Matlamat Bandar dan Komuniti Mampan (SDG-11) bertujuan menjadikan bandar dan penempatan manusia sebagai menyeluruh, selamat, berdaya tahan dan mampan. Pembinaan lestari, rawatan air dan rawatan sisa pepejal merupakan antara bidang tumpuan yang diberi perhatian dalam pengurusan lestari.

Justeru, antara pembangunan-pembangunan ekonomi hijau yang dilaksanakan adalah seperti pembinaan loji insinerator di Selangor dan Johor bagi menggantikan tapak pelupusan sampah sedia ada yang tidak lagi mampan untuk menampung peningkatan pelupusan sisa namun dalam masa sama mampu membekalkan tenaga bersih dan boleh diperbaharui.

Dasar Pelepasan Sifar (ZDP) yang diwartakan pada 20 Jun 2024 mampu mengatasi masalah isu enap cemar dan penurunan kualiti sumber air.

Teluk Gong menjadi kawasan perindustrian pertama di Selangor yang melaksanakan ZDP secara penuh, sekali gus menjadi model kawalan pencemaran industri yang mampan. Ia merupakan strategi jangka panjang kerajaan Selangor dalam mengawal pencemaran sumber air daripada aktiviti industri selaras dengan Peraturan-peraturan Pelesenan Pembuangan Air Kembalian serta Kemasukan dan Pelesenan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2024 bagi memastikan tiada pelepasan buangan secara langsung ke alam sekitar.

Selain itu, initiatif Skim Jaminan Air Mentah (SJAM) oleh kerajaan Selangor bukan sahaja untuk menangani pencemaran, tetapi merupakan sebahagian pelan jangka panjang Selangor bagi menjamin kelangsungan bekalan air mentah dalam menghadapi perubahan iklim dan musim kemarau.

Satu daripada 17 matlamat SDG, iaitu yang keempat (SDG4) adalah memastikan pendidikan berkualiti yang menyeluruh serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat yang menjadi asas kepada kewujudan pembangunan lestari.

Oleh demikian, Universiti Teknologi Mara (UiTM) sebagai sebuah universiti awam terbesar di Malaysia pastinya tidak boleh terlepas daripada bertanggungjawab memastikan agenda pembangunan lestari diintegrasikan dalam program yang ditawarkan kepada pelajar.

Sehubungan itu, kursus Pengurusan Lestari dalam program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (Kepujian) diperkenalkan selaras dengan usaha untuk mendidik dan memupuk kesedaran generasi muda mengenai peranan mustahak mereka dalam meningkatkan kemampanan alam sekitar.

Industri kini mencari graduan yang bukan sahaja mahir teknikal tetapi berupaya menyumbang kepada kelestarian operasi organisasi. Justeru, kursus ini memberi nilai tambah kepada graduan UiTM kerana mereka bukan sahaja dapat bekerja dalam sektor tenaga dan teknologi, tetapi juga dapat menjadi pemangkin dalam membentuk hala tuju pengurusan lestari di Malaysia dan di peringkat antarabangsa.

Dalam usaha melahirkan jurutera yang beretika dan lestari, kursus Pengurusan Lestari diperkenalkan kepada mahasiswa semester tiga dengan dua jam kredit, bertujuan memberikan kefahaman mendalam mengenai prinsip-prinsip asas kelestarian dan pengurusan merujuk kepada alam sekitar, sosial, ekonomi dan tadbir urus.

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada kemahiran berfikir secara kreatif dan inovatif dengan menerapkan elemen pengurusan lestari selari dengan agenda nasional dan dunia.

Ia memberikan pendedahan bagaimana peranan mereka menekankan pendekatan strategik kepada pengurusan lestari dan meneroka bagaimana keputusan beretika memberi kesan kepada perkembangan organisasi. Selain itu, ia turut menyediakan mahasiswa dengan pengalaman pembelajaran kerja kursus yang menggabungkan konsep lestari serta mampan ke dalam amalan tadbir urus, polisi, budaya kerja, kejuruteraan dan teknologi.

Dengan penguasaan pengurusan lestari, graduan lebih bersedia untuk menyumbang kepada industri yang berorientasikan ekonomi hijau. Mereka mampu berperanan dalam sektor perancangan tenaga lestari, penyelidikan teknologi hijau, serta pembangunan sistem tenaga pintar.

Itu membuka peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor termasuk tenaga boleh diperbaharui, automasi pintar, pertanian pintar, kejuruteraan sistem tenaga yang lebih cekap, kawalan air, sisa dan pencemaran.

Selain itu, dengan permintaan tinggi global terhadap jurutera yang memahami aspek kelestarian, graduan UiTM tentunya berkelebihan dalam pasaran kerja antarabangsa. Mereka berpotensi menjadi usahawan dalam bidang teknologi lestari, membangunkan produk dan perkhidmatan yang menyokong inisiatif tenaga hijau dan kecekapan sumber.



**INDUSTRI** kini mencari graduan yang bukan sahaja mahir teknikal tetapi berupaya menyumbang kepada kelestarian operasi organisasi.

**ASET BERHARGA**

Pengenalan kursus Pengurusan Lestari dalam program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Elektrik dan Elektrikal dengan Kepujian di UiTM adalah satu langkah bijak dalam memastikan graduan bersedia menghadapi cabaran industri moden yang semakin berorientasikan kelestarian dan mampan.

Dengan gabungan kemahiran teknikal dan pemahaman mendalam mengenai prinsip pengurusan lestari, graduan UiTM akan menjadi aset berharga dalam membentuk masa hadapan yang lebih lestari bagi negara dan dunia.

Jurutera pengurusan lestari memainkan peranan penting dalam memperkasakan ekonomi hijau organisasi dengan memastikan penggunaan teknologi yang lestari, mengurangkan jejak karbon, serta memacu inovasi dalam tenaga boleh diperbaharui.

Dengan perkembangan industri yang semakin menekankan kelestarian, kehadiran jurutera pengurusan lestari akan menjadi aset penting dalam membentuk masa depan yang lebih mampan dan berdaya tahan.

PROFESOR Madya Dr. Mahanijah Md. Kamal ialah Ketua Penyelidikan Institusi Pejabat Transformasi Universiti Teknologi Mara (UiTM).

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 05 JUN 2025

# Boleh guna tong gas hijau tapi bersyarat - Fuziah

UM 5/6

**PETALING JAYA:** Peniaga kecil dibenarkan menggunakan silinder tong gas petroleum cecair (LPG) bersubsidi berwarna hijau tetapi bersyarat.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Dr. Fuziah Salleh tampil memberi penjelasan mudah selepas ramai masih keliru dengan pelaksanaan penggunaan LPG komersial yang berwarna ungu berkuat kuasa 1 Mei lalu.

"Peniaga kecil macam Mak Cik Kiah masih boleh guna tong gas hijau, syaratnya tidak lebih daripada tiga tong gas 14 kilogram (kg) pada satu masa dengan jumlah maksimum 42kg

"Bermakna kalau Makcik Kiah guna satu tong untuk goreng pisang, satu untuk mi, satu untuk air, Makcik Kiah masih layak guna tong hijau bersubsidi. Tak perlu tukar ke tong ungu," katanya.

Fuziah berkata, tong gas tanpa subsidi hanya diwajibkan kepada pengguna industri dan komersial berskala besar seperti restoran besar, kilang dan hotel.

"Janganlah takut-takutkan rakyat dengan info kurang tepat, yang penting, bantuan kerajaan sampai kepada yang layak dan subsidi terus dinikmati golongan kecil dan sederhana," katanya.

Sebelum ini, tular maklumat kurang tepat dimuatnaik di *Facebook* mendakwa peniaga kecil terbeban dengan penggunaan tong gas tanpa subsidi itu.

Bagaimanapun, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup tampil menepis dakwaan tersebut.

Menterinya, Datuk Armizan Ali, dilaporkan berkata, dakwaan pemotongan dan pemansuhan subsidi LPG di bawah Ops Gasak yang dilaksanakan untuk mengekang ketirisan subsidi LPG juga adalah tidak benar.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 05 JUN

# Pesara tentera sebelum 1 Januari 2013 tidak berhak terima pelarasan pencen

Um 5/6

**PUTRAJAYA:** Mahkamah Rayuan di sini, semalam membenarkan rayuan dikemukakan Kerajaan Malaysia, Majlis Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan dua pihak lain berhubung pelarasan pencen pesara ATM yang bersara sebelum 1 Januari 2013.

Panel tiga hakim diketuai Datuk Hashim Hamzah dan bersidang bersama Datuk Wong Kian Keong dan Datuk Ismail Brahim memutuskan demikian selepas mendapati Hakim Mahkamah Tinggi terkhilaf sehingga membolehkan satu campur tangan dilakukan.

Menurut penghakiman ringkas panel itu, veteran tentera yang bersara sebelum 1 Januari 2013 telah menerima pelarasan gaji sejak 2002 yang menyebabkan jumlah pencen diterima mereka meningkat.

Sementara itu, pelarasan (adjustment) skala gaji pada 2013 bertujuan menarik lebih ramai orang awam untuk menyertai angkatan tentera dan bukannya semakan semula untuk anggota sedia ada seperti dinyatakan dalam pekeliling kerajaan.

"Peningkatan skala gaji selepas 2013 adalah berpatutan kerana ia bertujuan untuk memperbaiki gaji anggota yang masih berkhidmat berbanding mereka yang telah bersara.

"Oleh itu, Pesuruhjaya Kehakiman telah tersilap dalam keputusannya yang menyatakan wujud diskriminasi yang tidak mengikut Perlembagaan," katanya.

Tambah panel berkenaan, pesara tentera yang bersara sebelum 1 Januari 2013 tidak berhak menerima pelarasan pencen kerana mereka hanya layak menerima semakan semula gaji sahaja.

Oleh itu, panel mendapati, tiada pelanggaran hak pesara tentera di bawah Perkara 5, 8 dan 147 Perlembagaan Persekutuan.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 05 JUN 2025

50 ARMED FORCES RETIREES

# Court of Appeal allows govt's appeal in pension adjustment case

NST 5/6

**PUTRAJAYA:** The Court of Appeal yesterday allowed the appeal by the government and three others to overturn a High Court ruling favouring 50 retired armed forces personnel in a pension adjustment dispute.

In a unanimous decision, the three-member panel chaired by Datuk Hashim Hamzah ruled that the retirees failed to prove that the government, prime minister, defence minister and Malaysian Armed Forces Council breached the Constitution's provisions.

"We find there is merit in the defendants' appeal that warranted appellate intervention," said Hashim, who sat with Datuk Wong Kian Kheong and Datuk Ismail Brahim.

He said the defendants could not be said to have breached Article 147 of the Constitution as they had not placed the plaintiffs in a less favourable position.

The court allowed the appeal with no orders as to legal costs.

Wong, who wrote a supporting judgment, said two documents cited by the retirees were not salary adjustments, but amendments to the terms of service for serving armed forces members.

He said the objective was to improve the salary scheme for serving members and not to discriminate against retirees who retired before Jan 1, 2013.

He said there was no unequal treatment between pensioners who retired before Jan 1, 2013 and those who retired after Jan 1, 2013, as pension adjustments were not for retirees after Jan 1, that year.

On Feb 5 last year, the High Court ruled that armed forces retirees who retired before Jan 1, 2013 were entitled to have their pensions adjusted to the rates and methods applied to retirees who retired after that date.

The 50 retirees filed an originating summons in the High Court on Nov 17, 2022, seeking a declaration that the government had violated provisions in the Constitution, read together with Section 187 of the Malaysian Armed Forces Act 1972.

Federal counsel M. Kogilambigai appeared for the government, while lawyer Mohamed Haniff Khatri Abdulla represented the retired armed forces personnel.

Haniff Khatri said he would study the grounds of judgment, then decide whether to bring the matter to the Federal Court. **Bernama**

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 05 JUN 2025

# MACC seizes RM143 million in assets from 'Tan Sri'

SUN 5/6

> Seizures linked to alleged misuse of *sukuk* funds for construction of highway in Klang Valley

**KUALA LUMPUR:** The Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) has seized assets linked to the alleged misuse of *sukuk* funds for the construction of a highway in the Klang Valley, during an operation conducted last week.

The assets, believed to be owned by a highway concessionaire with a "Tan Sri" title, total RM143 million.

MACC chief commissioner Tan Sri Azam Baki said the seizures include 14 individual accounts totalling RM4.5 million, eight company accounts totalling RM33 million, luxury condominium and land worth RM24.5 million, nine cars worth RM7.65 million and 13 cars that have yet to be handed over to the investigation team.

Other items seized include luxury watches (RM25 million), handbags (RM3 million), jewellery and diamonds (RM6 million), four horses (RM400,000), alcoholic beverages (RM3 million), foreign assets (more than RM15 million) and gambling activities (about RM20 million).

"Preliminary investigations revealed there was misconduct between 2016 and 2020 involving approved *sukuk* funds of about RM1.35 billion, false claims of about RM360 million and RM416 million and RM50 million in other bank facility loans.

"The RM1.67 billion highway project also was not completed according to schedule, and investigations are focused on bribes worth RM12 million paid to certain parties as inducement in helping the cash flow out and back to the suspect," Azam said in a statement.

He added that the proceeds were also believed to have been used in money laundering activities.

He explained that to embezzle the funds, the parties involved were believed to have used professionals such as auditors, financial experts, engineers and shell companies.

"Until now, the MACC has yet to take the Tan Sri's statement as he is in a private hospital ward and the investigating officer will get confirmation from the doctor on the status of his health before recording his statement.

"Meanwhile, the number of witness statements stands at 45, and those witnesses who have given their statements have been asked to provide further statements."

Azam said the investigating team is also tracking down luxury vehicles and properties belonging to the Tan Sri abroad, including in London and Switzerland.

He said the investigation is focused on the true amount of luxury liquor kept by the Tan Sri and the possibility that funds have also been transferred to other accounts.

Azam also said an asset declaration notice has been handed to the Tan Sri and other related parties, Bernama reported.

Earlier, it was reported that MACC is also investigating *sukuk* funds amounting to about RM20 million, believed to have been used for gambling activities.

THE SUN
0 5 JUN 2025
Tarikh: ..........

# Malaysia eyes 500,000 UK tourists for VM2026

**DPM optimistic of achieving target as efforts carried out by Tourism Malaysia in London satisfactory**

SUN 5/6

**LONDON:** Malaysia is targeting 500,000 tourist arrivals from the United Kingdom (UK) during Visit Malaysia 2026 (VM2026), said Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

He expressed optimism that the target could be met, citing a significant increase in the number of tourists from the UK during the first four months of this year.

"I am satisfied with the efforts carried out by Tourism Malaysia in London," he said at a media conference following the launch of VM2026 on Tuesday.

Earlier, Ahmad Zahid participated in a tourism roundtable session with key players from the UK tourism industry.

During the session, he said there is a proposal to create a special package for tourists flying with Malaysian Airlines, offering stopover incentives to encourage them to spend time in Kuala Lumpur or other destinations in Peninsular Malaysia, Bernama reported.

"I have agreed to bring this proposal to the Tourism, Arts and Culture Ministry and present it to the Cabinet so that the package can be implemented by 2026.

"Malaysia Airlines has previously offered a similar package with considerable success. So, we are optimistic that the suggestion from the Malaysia Airlines manager in London can be adopted and implemented."

Ahmad Zahid said 390,035 travellers from the UK visited Malaysia last year, contributing over RM2.5 billion in visitor receipts.

He highlighted that Malaysia has approved 103 new international routes, 29 additional flight frequencies and five charter flights in preparation for VM2026.

"I believe these routes represent more than just infrastructure, they are gateways to opportunities for travellers, operators and investors alike."

A joint committee between Malaysian and UK franchise business associations would be established to strengthen Malaysia's franchise ecosystem in the UK, he told a media conference on Tuesday after attending the Malaysia-UK Franchise Business Dialogue, held in conjunction with his four-day working visit to the UK.

Ahmad Zahid, who is also Rural and Regional Development minister, said the initiative would serve as a support platform to help Malaysian franchise brands penetrate the UK market by 2026.

"There are plenty of opportunities for Malaysian companies to expand their franchise businesses in the UK, especially in *halal*-related sectors such as food, traditional medicine and cosmetics.

"I will chair the Cabinet committee on franchises. I will obtain reports on the progress and I will review the achievements every six months when I chair the Cabinet committee twice a year."

Ahmad Zahid said Malaysia is also committed to supporting the franchise ecosystem through financing policies by Mara and digital grants from the Malaysia Digital Economy Corporation, with the aim of achieving RM100 billion in sales by 2030.

He said closer cooperation would be pursued to encourage UK franchises to explore the Asean market.

THE SUN
05 JUN 2025
Tarikh: ........................................

# Teacher loses RM23,000 in phone scam

SUN 5/6

**KANGAR:** A female teacher in Pauh, Arau lost RM23,000 after she was believed to have been duped by a phone scam syndicate with individuals posing as a Touch 'n Go officer and the authorities on May 29.

Arau district police chief Supt Ahmad Mohsin Md Rodi said the 26-year-old teacher received a phone call from an individual introducing himself as a Touch 'n Go officer at 12.21pm while she was at school.

The "officer" informed her that her Touch 'n Go card had been used to steal money from someone else's account.

"Then the call was supposedly connected to authorities from the Penang state police contingent headquarters, who claimed that the teacher was involved in money laundering and drug smuggling crimes," he said in a statement.

Ahmad Mohsin said she was asked to transfer RM23,000 in a single transaction to a bank account given by the suspect to prevent her bank account from being frozen.

The teacher made the money transfer on the same day.

He said she only realised she had been scammed after checking the information again, and lodged a police report the next day.

The case is being investigated under Section 420 of the Penal Code. – Bernama

THE SUN
Tarikh: 05 JUN 2025